

Keadilan Sosial dalam Sistem Masyarakat Menurut Mustafa Al-Siba'i

Social Justice in Society System According to Mustafa Al-Siba'i

MOHD HATIB ISMAIL* & SITI ROHANI JASNI¹

ABSTRACT

Justice is the main thing in the formation of a prosperous social system. Social defects from economic, political, and educational aspects often occur when social justice is neglected. In the vibrancy of Western and Islamic scholars discussing the theory and idea of social justice, Mustafa al-Siba'i (1915-1964) was also involved in examining the matter in the formation of social systems in society. This study aims to explain the concept of social justice according to Mustafa al-Siba'i from the point of view of individual rights, responsibility, and social welfare. This study uses descriptive content analysis as an approach to analyzing Mustafa al-Siba'i works on social justice. The results found that Mustafa al-Siba'i emphasized the issue of fundamental rights for each individual should be preserved and protected in upholding justice. Every person has their own rights and is also responsible for giving rights to others. In addition, Mustafa al-Siba'i also outlined general guidelines for managing the national treasury based on Islamic principles and gave some examples of management established by previous Islamic governments. Regarding social welfare, Mustafa al-Siba'i presented a concept that already exists in Islam, namely helping each other, defending weak people, and sharing wealth and responsibilities among the community. This study is expected to give the community an understanding of the concept of social justice that exists in Islam through the thinking of Mustafa al-Siba'i.

Keywords: *Mustafa al-Siba'i, Social Justice, Social Welfare*

PENGENALAN

Isu keadilan sosial sentiasa berlegar dalam sejarah hidup manusia hingga sekarang. Ianya menjadi punca kepada perpecahan dan ketidakstabilan dalam sesetengah masyarakat dan negara yang mana boleh menimbulkan konflik, permusuhan, kacau bilau serta pemberontakan (Chandra Muzaffar, 1997). Banyak rakyat yang menderita tiada pembelaan, ada yang terperosok dalam lembah kemiskinan, tidak kurang juga yang tidak mendapat peluang untuk meningkatkan taraf hidup ke arah lebih sempurna. Muncul para sarjana Barat dan Islam pada era moden mengupas dan membincangkan konsep keadilan sosial supaya ianya dapat direalisasikan dalam kehidupan bermasyarakat. Cita-cita keadilan menjadi pendorong dalam aspek penulisan dan pengkajian bagi gerakan intelektual dan kebudayaan. Oleh itu, persekitaran pemikiran mula disuburkan dengan

¹ **Mohd Hatib Ismail*** Ph.D. (Corresponding Author), Senior Lecturer at The Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah. MALAYSIA. Email: mohdhatib@ums.edu.my; **Siti Rohani Jasni**. Ph.D., Senior Lecturer at The Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah. MALAYSIA. Email: s_rohani@ums.edu.my

kepekaan terhadap keadilan. Masih banyak soal keadilan sosial yang perlu kita fikirkan yang menjadi masalah dalam penerapan kehidupan bermasyarakat (Syed Hussein al-Atas, 1996). Oleh itu, perkembangan intelektual pada era moden dan pascamoden tidak dapat lari daripada membangkitkan semula soal keadilan sosial supaya ianya dapat terus diformulakan dengan cara sebaik mungkin bagi mempertahankan kehidupan yang berteraskan keadilan bersifat menyeluruh. Maka dengan sebab itu, kajian ini terpanggil untuk menyentuh soal keadilan sosial dari perspektif tokoh intelektual Muslim yang bernama Mustafa al-Siba‘i.

BIOGRAFI

Mustafa al-Siba‘i dilahirkan pada tahun 1915 di sebuah bandar yang bernama Homs, Syria. Tokoh ini lahir dari keluarga mempunyai latarbelakang agama yang kuat. Bapanya Husni al-Siba‘i merupakan seorang tokoh terkenal dari segi kealiman, seorang pejuang dan tokoh pembaharuan di bandar kelahirannya (Zarzur 2003). Sheikh Husni al-Siba‘i merupakan seorang ulama yang dihormati di Bandar Homs, beliau banyak mendorong anaknya untuk mencintai ilmu dengan membawa beliau menyertai banyak majlis ilmu (Thahhan, 2002). Melalui ketokohan bapa beliau ini sedikit sebanyak tentang mempengaruhi keperibadian Mustafa al-Siba‘i.

Pada tahun 1933, beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi di universiti al-Azhar, Mesir untuk memperolehi sarjana muda Syariah dan Usuluddin (Mohd Rumaizuddin 2009). Setelah tamat pengajian di peringkat sarjana muda, beliau meneruskan lagi pelajaran di peringkat sarjana di universiti yang sama dan memperolehi ijazah sarjana dalam bidang Usuluddin. Kecintaan beliau terhadap dunia akademik diteruskan ke peringkat tertinggi ijazah doktor falsafah sehingga lulus cemerlang dengan sebuah tesis yang bertajuk *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri* pada tahun 1949 (Rumaizuddin 2009).

Mustafa al-Siba‘i sangat menentang penjajahan, sekitar umurnya 16 tahun, beliau telah ditangkap serta dipenjara kerana menentang penjajah dan mengedar risalah anti penjajah pada tahun 1931. Walaupun pernah dipenjara semangatnya tidak pudar, selepas dibebaskan beliau tetap menyampaikan khutbah-khutbah mengajak masyarakat ke arah usaha membebaskan negara dari belenggu penjajah. Akibatnya, setahun kemudian beliau sekali lagi ditangkap dan dipenjara selama 6 bulan atas tuduhan mengkritik pemerintah yang pro-British semasa menyampaikan khutbah di sebuah masjid dalam bandar kelahirannya (Thahhan 2002). Selepas dibebaskan kali kedua, beliau ke Mesir menyambung pelajaran peringkat tinggi.

Dalam pergerakan Islam, beliau mula menyertai gerakan Ikhwan al-Muslimin setelah bertemu dan berkawan dengan Hasan al-Banna ketika di Mesir sewaktu beliau belajar di sana (Muhammad Zarzur 2003). Setelah menyertai gerakan Ikhwan yang dipimpin oleh Hasan al-Banna beliau mengikuti aktiviti pertubuhan itu, menyampaikan kuliah-kuliah dan menghadiri majlis-majlis yang dikendalikan oleh Hassan al-Banna (Rumaizuddin 2009). Di Mesir beliau turut menggerakkan mahasiswa untuk bangun menentang penjajahan British, akibat daripada hal tersebut beliau ditahan di Mesir pada tahun 1934 dan 1941 kerana melakukan demonstrasi menentang penjajah (Thahhan 2002). Beliau telah dituduh menubuhkan satu pertubuhan rahsia dalam membantu pemberontakan Rashid al-Kailani menentang British di Iraq (Rumaizuddin 2009). Sekembalinya dari Mesir, beliau dilantik sebagai gerakan Ikhwan al-Muslimin di Syria dengan dikenali sebagai *al-Muraqqib al-‘amm* pada tahun 1945. Perlantikan beliau atas dasar kesepakatan ahli gerakan Ikhwan al-Muslimin dalam satu mesyuarat yang turut dihadiri oleh

Syeikh Said Ramadan iaitu menantu Hassan al-Banna. Pada ketika itu, beliau menulis sebuah buku yang bertajuk *Durus fi Da'wah al-Ikhwān al-Muslimin* (Pelajaran Dalam Dakwah Ikhwan al-Muslimin), kandungan buku ini menjelaskan matlamat dan program-program yang dibentuk oleh Ikhwan al-Muslimin bagi memperbaiki sistem sosial masyarakat di Syria (Rumaizuddin 2009). Di samping itu, beliau juga menguruskan pula sebuah pergerakan Islam yang dipanggil *Shabab Muhammad* (Pertubuhan Pemuda Muhammad) yang mana kemudiannya bergabung dengan gerakan Ikhwan al-Muslimin Syria. Rentetan daripada aktiviti pergerakan tersebut, beliau sekali lagi ditangkap oleh penjajah Perancis dan dipenjara selama 2 tahun setengah. Selepas dibebaskan kesihatan beliau banyak terganggu akibat diseksa dan dipaksa melakukan kerja berat dalam penjara (Abd Allah 1983).

Kesihatan yang terganggu tidak menghalang semangat perjuangan Mustafa al-Siba'i, pada tahun 1945, beliau lebih tekad mengetuai pemberontakan bersenjata menentang Perancis sehinggalah Syria merdeka sepenuhnya pada tahun 1946 (Thahhan 2002). Sekitar tahun 1948, beliau bersama Gerakan Ikhwan Syria menyertai himpunan besar-besaran menentang keputusan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memecahkan Palestin kepada dua iaitu Yahudi dan Arab (Rumaizuddin 2009). Mustafa al-Siba'i bersama batalion Ikhwan al-Muslimin yang dihantar ke Palestin untuk mempertahankan Baitul Maqdis (Mursi 2010).

Pada tahun 1951, beliau telah menghadiri Mukhtar Islam di Pakistan yang dihadiri oleh tokoh-tokoh Islam dari seluruh dunia. Tahun berikutnya beliau bersama rakan-rakan memohon kebenaran pemerintah bagi menyertai Perang Suez di Mesir, namun permohonannya ditolak, sebaliknya beliau sendiri telah ditangkap dan dipenjarakan. Kehidupan yang penuh kesusahan dibelenggu oleh penjajah mempengaruhi gaya keperibadian Mustafa al-Siba'i menjadi seorang aktivis dalam pergerakan menentang penjajah dan menegakkan keadilan. Dirinya ditanam dengan sifat patriotik sehingga melibatkan diri dalam gerakan melawan penjajah dan menuntut kebebasan Negara.

Dalam lapangan pendidikan, Mustafa al-Siba'i adalah sarjana muslim yang begitu komited dan produktif di bidang pengajian akademik. Pernah bertugas sebagai seorang guru di sebuah sekolah menengah di bandar Homs pada tahun 1944, kemudiannya beliau telah menubuhkan sebuah sekolah Arab Islam dan menjadi pengetua yang pertama di sekolah tersebut. Di peringkat pengajian tinggi, pada tahun 1950 beliau dilantik menjadi pensyarah di Universiti Damsyik dan dilantik pula menjadi ketua jabatan Fikah. Sekitar tahun 1955 beliau telah dilantik memegang jawatan dekan Kuliah Syariah di Universiti yang sama. Beliau juga banyak mengadakan lawatan ke universiti-universiti di Eropah untuk mengkaji sistem pengajian terdapat di sana. Antara Negara-negara yang dikunjungi beliau adalah Turki, Itali, Britain, Ireland, Belgium, Poland, German, Switzerland, Perancis dan Rusia (Muhammad Zarzur 2003).

Mustafa al-Siba'i merupakan seorang ahli akademik yang berfikiran terbuka. Dalam menghadapi kemajuan dicapai oleh Barat, Mustafa al-Siba'i (2010) berpendapat bahawa umat Islam perlu mengambil apa-apa faedah yang terbaik yang dimiliki daripada bangsa-bangsa lain bukan Islam. Umat Islam perlu menerima faedahnya selagi mana tidak bercanggah dengan hukum-hukum serta kaedah yang telah sedia ada dalam syariat Islam. Pada pandangan beliau keengganan untuk berbuat demikian adalah kebakuan yang tidak diterima oleh tabiat Islam. Melihat kepada realiti zaman moden ini, khususnya selepas zaman kebangkitan Eropah, umat Islam ditimpa kemunduran. Hal tersebut berlaku kerana mereka meninggalkan prinsip yang ada dalam Islam iaitu mengambil manfaat apa yang berfaedah dan baik daripada tamadun lain untuk

membangunkan umat. Terdapat juga golongan yang menentang setiap cedokan untuk melakukan pengislahan daripada bangsa lain (selain Islam) sedangkan umat Islam amat memerlukannya.

Mustafa al-Siba'i juga sangat aktif dalam bidang penerbitan majalah dan media. Beliau menerbitkan akhbar *al-Manar* dari tahun 1947-1949, tahun 1955 beliau mengasaskan akhbar mingguan politik *al-Shahab* dan majalah *al-Muslimun* yang kemudiannya ditukar nama kepada *al-Hadarah al-Islam* pada tahun 1958. Majalah dan surat khabar ini bertujuan untuk menyedarkan umat Islam tentang isu-isu yang berlaku seterusnya mempertahankan isu-isu umat Islam (Rumaizuddin 2009).

Pada tahun 1957, selepas pulang dari Soviet Union beliau telah diserang penyakit strok yang menyebabkannya lumpuh separuh badan di sebelah kiri. Namun, beliau masih lagi meneruskan usaha beliau untuk membangunkan dunia Islam dengan menulis buku-buku serta menyampaikan kuliah kepada pelajar di dewan syarahan perdana (Rumaizuddin 2009). Setelah mengalami lumpuh selama lapan tahun, beliau akhirnya meninggal pada tahun 1964 (Mursi 2010). Pemergian al-Siba'i dalam dunia Islam juga disifatkan Muhammad Khayr al-Jilad sebagai suatu kehilangan yang besar dalam lembaran sejarah dan sukar untuk dicari ganti.

KONSEP KEADILAN SOSIAL

Keadilan atau adil datangnya dari perkataan arab *al-^cadl*, melalui kata kerja *adala*. Istilah bahasa arab bagi perkataan keadilan disebut sebagai *al-^cadl* atau *al-^cadalah*, namun terdapat juga perkataan lain yang dikaitkan dengan keadilan iaitu *al-qist*, *al-mizan* dan *al-haq*. Manakala dalam bahasa Inggeris, keadilan disebut sebagai *justice*, atau dengan nama lain seperti *righteousness*, *equity*, *fairness*, *lawful*, *rightful*, *legality* dan *counterbalance* (Zul 'Azmi 2005). Dari sudut bahasa arab perkataan *al-^cadl* dan *al-^cadalah* selalu digunakan bagi membawa maksud yang tepat kepada keadilan, manakala dalam bahasa inggeris perkataan *justice* kerap digunakan untuk memberi maksud keadilan.

Menurut Ahmad Sarji (2005) keadilan sosial memaparkan satu keadaan hidup yang mana setiap individu mempunyai hak-hak mereka sendiri dan untuk mencapai hak-hak tersebut, hak-hak ahli masyarakat lain tidak diketepikan. Oleh kerana keadilan dari aspek sosial mempunyai kesan sosial yang luas, usaha menunaikan hak setiap ahli masyarakat merupakan jaminan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat. Sayyid Qutb (1984) melihat konsep keadilan sosial amat berkait rapat dengan konsep tauhid kepada Allah, beliau menyatakan bahawa "Kita umat Islam akan menjadi sukar untuk memahami maksud keadilan sosial dengan begitu tepat melainkan setelah kita memahami gambaran sebenar Islam (*Tasawwur Islam*) mengenai ketuhanan, alam semesta, kehidupan dan manusia itu sendiri. Ini kerana keadilan sosial merupakan cabang daripada empat dasar tersebut". Hamka (1977) pula menyatakan keadilan sosial yang dicabuli menyebabkan keburukan berlaku dalam negara dan rakyat menjadi kuda tunggangan oleh pemerintah untuk kepentingan diri dan nafsu, rakyat merana kemiskinan dan keamanan tergugat.

Manakala Aristotles dalam David Miller (1976) membincangkan keadilan sosial daripada istilah *just* atau *justice* dari perkataan Greek yang mempunyai penggunaan meluas. Beliau membahagikan keadilan kepada tiga prinsip utama;

Pertama, Keadilan berdasarkan undang-undang, kesesuaian undang-undang dengan semua orang. Kedua, keadilan Komutatif, yang berhubungkait dengan hubungan antara satu individu

dengan individu yang lain dalam masyarakat. Ketiga, keadilan distributif, keadilan dari sudut pegurusan ekonomi, bagi Aristotle setiap pekerja harus diberi ganjaran yang setimpal berdasarkan prestasi kerja, hasil tugas dan komitmen tanggungjawab yang diberikan kepadanya.

Manakala Kant meletakkan keadilan dalam tiga ciri tindakan manusia iaitu, pertama; tindakan daripada seseorang individu yang memberi kesan keadilan kepada orang sekeliling dalam keadaan secara langsung ataupun sebaliknya. Kedua; keadilan bukan menumpukan kepada kehendak dan keinginan seseorang individu semata-mata, ianya menyeluruh dan berhubung dengan kehendak orang lain. Ketiga; keadilan dapat terlaksana dengan mengambil kira hubungan kehendak setiap orang secara bebas tanpa menyekat kehendak orang lain. Berdasarkan tiga ciri yang dinyatakan ini, Kant telah meletakkan keadilan sebagai satu keadaan yang mana setiap keinginan dan kehendak dikumpulkan bersama, setiap kehendak individu boleh disatukan dengan kehendak individu yang lain supaya permuafakatan tercapai bersama kebebasan sejagat.

Berdasarkan maksud dan perbincangan tentang keadilan sosial yang telah diutarakan di atas, maka perbincangan mengenai keadilan sosial menurut Mustafa al-Siba'i akan memfokuskan kepada beberapa perkara berikut:

- a) Hak Asasi Manusia
- b) Sumber kekayaan negara
- c) Jaminan sosial dan Kebajikan sosial

HAK ASASI MANUSIA

Setiap manusia yang hidup atas muka bumi juga mempunyai hak tertentu secara individu yang perlu dilindungi. Hak individu dalam keadilan sosial melihat kepada bagaimana seseorang individu diberi hak yang sepatutnya dan seadilnya. Ini kerana setiap seseorang yang berhak ke atas sesuatu, maka adalah satu keadilan baginya setelah perkara tersebut dilunaskan. Di samping itu, setiap individu yang hidup juga mempunyai tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan. Keadilan bukanlah berdiri dengan hanya tuntutan terhadap hak semata-mata, bahkan ia ditegakkan dengan kesungguhan kebertanggungjawaban terhadap sesuatu perkara. Seseorang yang mahukan keadilan untuk dirinya, harus juga memberikan keadilan kepada orang lain. Rakyat yang menuntut keadilan daripada pemerintah, dalam masa yang sama juga mereka perlu adil melaksanakan tanggungjawab kepada pemerintah. Hal yang sama juga kepada pemerintah, jika mahukan rakyat berada dalam keadaan harmoni dan tidak memberontak, maka soal keadilan harus menjadi perkara utama untuk diselesaikan. Perbincangan pada bahagian ini akan membahaskan tentang hak-hak individu dalam keadilan sosial yang telah digariskan oleh Mustafa al-Siba'i menerusi gagasan pemikiran beliau.

Untuk Hidup

Allah s.w.t telah mengurniakan hak untuk hidup bagi setiap manusia, maka tidak boleh hak ini dicabar dan diganggu kecuali dengan kebenaran syarak. Oleh itu, haram melakukan pembunuhan terhadap orang lain ataupun membunuh diri sendiri. Di samping itu setiap keperluan untuk kelangsungan hidup adalah wajib dijaga seperti memelihara kesihatan badan, mengawal penyakit merebak dan merawat pesakit. Manakala perkara yang merosakkan tubuh badan dan mengancam nyawa perlu dielakkan seperti meminum arak, makanan yang berbahaya. Rutin harian seperti

makan dan minum adalah wajib untuk terus hidup, namun tidak boleh melampaui batas (al-Siba'i 1960). Sebarang tindakan dan tekanan yang menjejaskan hak asasi merupakan perkara yang dilarang oleh Barat dan Islam. Islam jelas menggariskan hukum bagi orang yang membunuh dengan sengaja adalah haram, maka hukuman yang diperuntukkan adalah bunuh balas bunuh (qisas) bagi menjamin nyawa seseorang.

Kebebasan Diri

Islam telah menetapkan kebebasan kepada setiap manusia semenjak dilahirkan. Insan yang merdeka itu ialah membuang segala bentuk penyembahan terhadap makhluk dan hanya menyembah Allah s.w.t. Setiap orang mestilah bebas dari segala bentuk kezaliman, sikap materialistik dan nafsu yang jahat (al-Siba'i 1960). Setiap individu tidak boleh dipenjarakan tanpa ada kesalahan yang terbukti sah. Individu juga bebas untuk menyatakan pendapat dengan bersuara dan juga melibatkan diri dalam apa-apa gerakan yang tidak menyalahi undang-undang. Teras kebebasan adalah kemerdekaan kepada diri, melakukan aktiviti tanpa ada paksaan atau ugutan selagi mana tidak menyalahi undang-undang. Individu bebas untuk berpersatuan, Islam membenarkan hak ini sebagai satu cara untuk rakyat berkumpul dan saling tolong-menolong antara satu sama lain. Cara ini juga memberi jalan yang luas kepada aktiviti dakwah yang menyeru kepada jalan yang baik dan meninggalkan perkara mungkar. Kebebasan dalam berdakwah penting untuk memastikan agama Islam sentiasa disampaikan secara meluas.

Ilmu Pengetahuan

Islam mewajibkan kepada umatnya untuk menuntut ilmu, Islam bukan agama yang memperakui bahawa boleh wujudnya orang yang jahil di samping orang yang pandai, kerana wajib orang yang jahil belajar daripada yang pandai dan wajib orang yang pandai mengajar orang yang jahil. Konsep yang disarankan Islam ialah belajar dan mengajar. Justeru itu, adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab pemerintah untuk membasmi kejahilan dan buta huruf serta menggesa orang berilmu untuk menyampaikan ilmu kepada yang tidak berilmu (al-Siba'i 1960).

Kehormatan Diri

Setiap anak Adam dicipta Allah mulia dan diberi kehormatan tidak kira bangsa, agama, asal keturunan, bahasa dan keadaannya. Kehormatan bagi manusia adalah mendapat hak yang sama dari sudut kehormatan undang-undang, menerima bantuan, dan menjaga maruah (al-Siba'i 1960). Kehormatan perlu dipelihara, ia tidak boleh dicabuli dengan penghinaan kepada seseorang ataupun masyarakat. Islam telah meletakkan hukum bagi yang membuka keaiban orang lain adalah haram, sebagaimana larangan mengintip kesalahan dan rahsia orang lain tanpa sebab yang dibolehkan syarak.

Pemilikan

Manusia diberi hak untuk mencari harta pencarian dan memiliki sesuatu yang diusahakan. Kekayaan dunia tidak tertumpu untuk sesuatu golongan sahaja, bahkan setiap orang disaran untuk berusaha mengikut kemampuan dan tenaga masing-masing. Hartanya tidak boleh dilucutkan pemilikan dan dirampas sewenang-wenangnya (al-Siba'i 1960).

Keselamatan harta milik setiap rakyat adalah tanggungjawab dan jaminan pemerintah. Islam dengan tegas melarang perbuatan mencuri dan mengambil harta orang lain secara batil dan jahat. Pintu rezeki adalah terbuka luas untuk setiap manusia itu mencari apa yang halal baginya.

Apabila ia beroleh kekayaan, maka itu adalah miliknya dan tidak boleh dilucutkan pemilikan tersebut. Konsep pemilikan dalam Islam telah meletakkan syarat tertentu iaitu mencakupi tiga perkara yang dilarang ketika mengusahakan sesuatu kerja (al-Siba'i 1960) iaitu:

1. Kezaliman. Islam telah mengharamkan riba, judi, rampasan dan mencuri
2. Penipuan. Islam melarang penipuan dalam urusan jual beli seperti mengurangkan timbangan, menjual barang yang rosak dan meletakkan harga yang tidak berpatutan.
3. Kerosakan. Islam mengharamkan segala aktiviti yang mendatangkan kerosakan. Islam telah mengharamkan segala macam perkara yang membawa kepada maksiat seperti perniagaan arak, wang hasil zina, tempat menjadi sarang perjudian dan berurusan dengan musuh yang akan menghancurkan Islam.

PERKONGSIAN HASIL DAN KEKAYAAN

Pada dasarnya dalam Islam dunia ini dan segala isinya adalah milik mutlak penciptanya yang Maha Esa. maksud firman Allah:

“Bagi Allah (kepunyaan Allah) segala yang ada di langit dan juga di di bumi”

Seluruh alam adalah di bawah kekuasaan Allah, segala yang berada di perut bumi, laut, cakerawala, bulan, bintang dan segala-galanya adalah kepunyaan Allah. Menurut al-Siba'i (1960), pemilikan mutlak Allah ke atas segalanya mempunyai dua mesej penting kepada manusia iaitu: Pertama, menghapuskan perasaan sombong seseorang setelah mendapat harta benda yang diusahakannya. Apabila seseorang itu sedar bahawa yang sebenarnya pemilik dunia dan segala isinya adalah Allah, maka akan lahir rasa rendah hati serta menghilangkan rasa sombong dalam diri. Kedua, petunjuk bagi setiap usaha untuk memiliki sesuatu yang asalnya milik Allah harus mengikuti segala peraturan yang ditetapkan oleh Allah. Manusia seharusnya bersifat adil memanfaatkan isi alam tanpa mengabaikan hak dan peluang orang lain. Alam merupakan milik mutlak Allah s.w.t yang dikurniakan kepada manusia seluruhnya. Alam juga merupakan kemudahan bagi manusia bertunjangan kepada dua tujuan penting sepertimana digariskan oleh al-Siba'i (1960) seperti berikut:

Pertama; Manusia boleh berusaha dengan akal fikiran, ilmu pengetahuan dan tenaga untuk menikmati kemudahan yang wujud dalam alam. Tuhan dengan kebijaksanaanNya telah mencipta alam dengan segala kebaikan untuk manusia, tinggal lagi manusia itu sendiri berusaha untuk mendapatkan faedah daripada penciptaan Tuhan. Kedua; setiap manusia berhak mendapat faedah daripada isi bumi dan langit secara adil tanpa sebarang diskriminasi.

PUSAT PENGUMPULAN DAN PENGAGIHAN SUMBER

Pusat pengumpulan bagi harta yang menjadi milik negara, bukannya untuk disimpan, tetapi digunakan untuk melaksanakan kebaikan kepada masyarakat.

Baitul Mal

Salah satu sumber pendapatan Baitul Mal, yang kemudiannya harta tersebut boleh disalurkan dalam soal kebajikan sosial (al-Siba'i, 1960).

Harta dalam baitulmal bukan milik mutlak sesiapa, sebaliknya termasuk dalam tanggungjawab pemerintah untuk menguruskannya. Mengikut kepada sejarah pemerintahan khalifah Islam, Umar al-Khattab merupakan khalifah yang banyak menyusun secara teratur harta Baitul Mal. Pada zaman khalifah Umar, banyak sumber telah masuk ke dalam baitul mal, maka satu pengurusan yang lebih sistematik telah dijalankan khalifah tersebut. Terdapat beberapa sumber harta yang termasuk dalam baitul Mal dan harta tersebut mesti diurus sebaiknya seperti jadual di bawah.

Sumber	Pengagihan
Harta zakat	golongan-golongan <i>asnaf</i> yang layak menerima zakat seperti yang digariskan d dalam al-Quran
1/5 harta rampasan perang dan juga harta galian atau harta terpendam. (<i>Ghaimah dan rikaz</i>)	dibahagikan kepada golongan fakir miskin dan anak-anak yatim
Hasil pencukaian	dibelanjakan untuk keperluan agama, keperluan am bagi negara seperti membayar gaji kakitangan awam, membina dan membaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur awam seperti masjid, sekolah, jambatan dan sebagainya.
Harta yang ditinggalkan si mati tanpa ada waris dan harta daripada barang-barang terjumpa tanpa diketahui tuannya.	Digunakan untuk perbelanjaan kos perubatan orang fakir miskin, anak-anak yang terbiar, pengurusan jenazah orang miskin atau tanpa waris, dan orang yang tidak mampu seperti orang yang terlalu tua ataupun cacat.

Sistem Wakaf

Islam juga menggariskan bahawa setiap harta yang bermanfaat hukumnya harus untuk diwakafkan malah digalakkan. Namun setelah sesuatu harta itu diwakafkan, siapa pemilik terhadap harta tersebut. Berdasarkan kepada konsep wakaf iaitu menghilangkan pemilikan sesuatu harta kepada tidak dimiliki sesiapa untuk digunakan manfaatnya. Harta tersebut tidak menjadi milik sesiapa maka ia akan berada dalam tanggungjawab Negara untuk menguruskannya.

Abu Zahrah (1987) telah mencadangkan beberapa langkah dalam menguruskan harta waqaf supaya ia kekal sebagai satu jaminan sosial kepada masyarakat. Antara pendapat beliau:

1. Hendaklah dikekalkan tempat-tempat ibadah dengan jumlah dan kadar yang diperlukan masyarakat setempat. Begitu juga dengan pembinaan tempat-tempat ibadah yang baru, mestilah melihat kepada keperluan masyarakat setempat. Tempat-tempat ibadah perlu seimbang dengan jumlah penduduk sesuatu tempat. Perkara ini memerlukan pengawasan daripada pihak yang berwajib supaya harta wakaf sampai kepada orang yang lebih berhak.

2. Sebahagian daripada keseluruhan pendapatan waqaf kebajikan diperuntukkan kepada pendidikan. Turut digunakan untuk mencetak buku-buku yang menjadi keperluan di sekolah dan institut pengajian.
3. Pendapatan daripada waqaf juga boleh dipinjamkan kepada mereka yang memerlukan pinjaman. Sama ada yang kesempitan hidup untuk berbelanja ataupun mereka yang terpaksa untuk mendapatkan pinjaman.
4. Diperuntukkan sebahagian pendapatan waqaf untuk membantu banduan-banduan yang baru dibebaskan daripada tahanan penjara. Ia sebagai langkah bantuan kepada banduan untuk mengusahakan sesuatu pekerjaan.
5. Selainnya, pendapatan harta waqaf digunakan untuk membantu fakir miskin secara terus. Perbelanjaan ini hendaklah diuruskan oleh pihak berwajib seperti Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Hal Ehwal Agama.

Tanah Rezab

Sejarah pemerintahan Rasulullah s.a.w. menjadi contoh bagaimana menguruskan tanah yang bukan menjadi milik sesiapa, ianya di bawah milik Negara untuk memberi kemudahan kepada penternakan haiwan. Di zaman Saidina Umar al-Khattab memerintah, beliau juga telah merizabkan tanah untuk dijadikan padang ternak untuk kaum muslimin (al-Siba'i 1998) Konsep merizabkan tanah di bawah milik Negara adalah untuk rakyat dapat memanfaatkan tanah tanpa rasa terganggu kerana tanah tersebut dibawah milik Negara.

Pemerintah berhak atau boleh untuk memberi tanah yang belum mempunyai supaya diusahakan oleh individu perseorangan atau secara perkongsian (syarikat) dengan ada syarat-syarat dan janji tertentu (Hamka 1977). Begitu juga tanah yang empunya si mati yang tidak meninggalkan waris, ia akan dimasukkan ke dalam harta baitul mal, maka pemerintah boleh untuk memberi kepada orang lain supaya diusahakan tanah tersebut.

KEBAJIKAN SOSIAL (al-Takaful al-Ijtima'i)

Hubungan sesama individu dalam masyarakat Islam diikat dengan satu sistem yang dipanggil ukhwhah, umat Islam berada dalam keadaan bersaudara dan berupaya membantu satu sama lain seterusnya menguatkan kedudukan dan kestabilan Negara.

Firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya orang beriman itu bersaudara"

(al-Quran surah al-Hujurat 49:10).

Rasulullah s.a.w juga pernah berbicara tentang konsep ukhwhah dalam Islam dan juga betapa pentingnya ikatan orang Islam antara satu sama lain. Dalam sebuah Hadis Rasulullah bersabda yang bermaksud: "perumpamaan orang beriman dalam hal hubungan kasih sayang seperti satu tubuh badan, apabila salah satu anggota mengalami kesakitan, maka seluruh tubuh akan merasai juga kesakitannya"

Adalah menjadi satu simbol dan ajaran Islam dalam masyarakat mesti ada sifat bantu-membantu ke arah kebaikan dan menghindarkan keburukan seperti mana maksud ayat Allah:

hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa Yang melanggar perintahNya).

(al-Quran surah al-Maidah 5:2)

Dalam melaksanakan roh tolong-menolong, Islam telah meletakkan beberapa golongan yang layak dan harus untuk mendapat pertolongan dan jaminan dalam masyarakat. Mereka perlu dilindungi dan diberi jaminan untuk merasai kesejahteraan hidup.

Menjadi tanggungjawab masyarakat dan negara untuk menjamin kesejahteraan setiap individu mendapat jaminan kehidupan yang baik. Terdapat golongan yang layak dan berhak untuk mendapat jaminan atau jaminan dalam masyarakat. Al-Siba'i (1997) telah membahagikan golongan ini kepada dua. Golongan pertama adalah mereka yang tidak berupaya, lemah dan hilang tempat bergantung. Mereka ini perlu mendapat penjagaan rapi dan tidak boleh dibiarkan hidup melarat. Bagi golongan ini ada sembilan jenis orang yang disenaraikan al-Siba'i iaitu:

1. Orang yang fakir dan miskin
2. Orang yang sakit
3. Orang yang cacat penglihatan
4. Orang yang hilang upaya tubuh badan seperti lumpuh
5. Orang tua (warga emas) yang sudah tidak bertenaga atau tidak mampu bekerja
6. Orang yang terbiar (gelandangan)
7. Anak-anak ditinggalkan ibu bapa atau dibuang keluarga
8. Anak-anak yatim
9. Orang yang berada dalam tawanan

Golongan yang kedua pula ialah mereka diberi pertolongan mengikut keperluan. Golongan ini tidak lah keadaannya naif seperti golongan pertama (al-Siba'i 1997). Golongan ini harus dibantu untuk kemaslahatan ummah dan dapat mengelakkan umat Islam daripada keruntuhan sosial akibat kemiskinan, rasuah, pecah amanah, muflis dan kecurian. Dasar Islam yang menganjur umatnya untuk saling bantu-membantu menjadikan konsep jaminan ini perlu dilakukan. Orang yang berhak menerima dalam golongan ini ialah:

1. Orang yang berhutang pada jalan yang halal tetapi tidak mampu untuk melunaskannya. Contoh orang berhutang ketika menjalankan perniagaan atau seorang pemimpin yang berhutang untuk menebus bayaran *Diyat* dalam hukum bunuh atau orang berhutang untuk kerana membina rumah-rumah kebajikan masyarakat. Hutang boleh dilangsaikan dengan bantuan daripada dana Baitu Mal.
2. Orang yang membunuh tanpa niat. Bayaran denda terhadap hukuman tersebut perlu ditanggung bersama-sama oleh waris dan ahli keluarga. Bermaksud si pelaku yang tidak mampu secara berseorangan membayar denda, maka waris, ahli keluarga dan kaum kerabat

perlu membantunya. Kesalahan yang dilakukannya juga merupakan perkara yang tidak disengajakan.

3. Orang yang tiada wang perbelanjaan di negeri asing. Menjadi tanggungjawab masyarakat sekelilingnya untuk membantu orang itu sekadar dia dapat sampai kembali ke tempat asalnya.
4. Tetamu atau orang yang bermusafir. Islam amat menitik berat soal cara melayan tetamu sehingga ada yang berpendapat wajib melayan tetamu selama sehari semalam secara istimewa dan selama ke tiga hari layanan biasa dengan memberi tempat tinggal. Cara layanan adalah memberi makan dan menyediakan tempat tidur orang-orang yang bermusafir.
5. Jiran tetangga. Membantu orang di sekeliling dengan sekadarnya. Sebagai contoh apabila tiba musim buah-buahan ada dalam kalangan masyarakat yang tidak mampu untuk membeli, atas dasar menikmati bersama pemberian Allah maka harus diberi sedikit buah tersebut kepada mereka ataupun tidak mengenakan bayaran kepada mereka ketika mereka makan. Seterusnya, saling bantu-membantu dengan meminjamkan barang-barang keperluan asas untuk memudahkan urusan orang yang susah. Diistilahkan sebagai *al-Ma'un* iaitu sesuatu benda yang harus diberikan kepada yang meminta sebagai satu bantuan.
6. Orang yang terlalu lapar atau dahaga. Wajib membantu orang sangat dahaga sehingga boleh mengancam nyawanya. Malah tidak menjadi kesalahan baginya untuk memaksa orang lain yang mempunyai air memberi minum kepadanya.
7. Lelaki dan perempuan yang layak berkahwin. Fitrah manusia antara lelaki dan perempuan mempunyai perasaan untuk bersama. Mereka ini juga perlu dibantu seadanya supaya dapat menjadi suami isteri secara sah. Perkara ini penting untuk mengelakkan zina berlaku dalam kalangan masyarakat.

PENUTUP

Keadilan sosial tidak akan pernah senyap untuk dibincangkan dalam sejarah kehidupan manusia. Selagi mana manusia masih hidup dan melakukan aktiviti kehidupan seharian, setiap insan perlu diambil kira dalam pemberian hak dan pelaksanaan tanggungjawab. Jika keadilan diabaikan manusia akan sentiasa hidup bertelagah dan bermusuhan antara satu sama lain. Keadilan sosial merupakan perkara tunjang kepada keamanan sejagat yang memabitkan semua manusia di seluruh pelusuk dunia. Usaha Mustafa al-Siba'i muncul sebagai seorang sarjana Islam moden yang tampil membincangkan soal keadilan sosial dalam sistem masyarakat harus dipuji dan dijadikan panduan kepada usaha memakmurkan negara.

RUJUKAN

al-Quran

Abd Allah, Umar F. 1983. *The Islamic Struggle in Syria*. United States of Amerika: Mizan **Press**.

Abu Zahrah, Muhammad. 1987. *Penyusunan Masyarakat dalam Islam*. Terj. Osman Khalid. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Ahmad Sarji Abdul Hamid. 2005. *Sekadar Berpendapat*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

- Chandra Muzaffar. 1997. *Keadilan Sosial di Malaysia: Satu Penilaian*. Dlm. Azizan Bahari & Chandra Muzaffar (pnyt). *Keadilan Sosial*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD)
- Ehab Ahmed Mohamed Tawfik. 2012. *Sistem al-Takaful al-Ijtima'i (tanggungjawab bersama Kemasyarakatan): Satu Kajian terhadap Perlaksanaannya di Majlis Agama Islam Selangor*. Tesis Ph.d. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamka. 1977. *Keadilan Sosial dalam Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Khairul Azhar Idris (pnyt). 2007. *Keadilan Sosial dari Perspektif Islam*. Selangor: MPH Group Publishing.
- Miller, David. 1976. *Social Justice*. London: Oxford University.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2009. *10 Tokoh Sarjana Islam Paling Berpengaruh*. Selangor: PTS Islamika.
- Al-Siba'i, Mustafa. 1960. *Al-Ishtirakiyyah al-Islam*. Al-Qahirah: al-Dar al-Qawmiyah.
- Al-Siba'i, Mustafa. 1997. *Al-Takaful al-Ijtima'i fi al-Islam*. Riyadh: Dar al-Warraq.
- Al-Siba'i, Mustafa. 2005. *Min Rawa'ik Hadaratina*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Siba'i, Mustafa. 1967. *Al-Mar'ah Bayna Fiqh wa al-Qanun*. Damascus: Maktabah al-Islami.
- Al-Siba'i, Mustafa. 1998. *al-Sunah wa Makanatuha fi al-Tashri' al-Islamiy*. al-Qahirah: Dar al-Salam
- Al-Siba'i, Mustafa. 1998. *Uzama'una fi al-Tarikh*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Muhammad Zarzur, Adnan. 2003. *Mustafa al-Siba'i al-Da'iyah, al-Mujahid, wa al-Faqih al-Mujaddid*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Muhammad Thahhan, Musthafa. 2002. *Kepimpinan dalam Pergerakan Islam: Tokoh Pergerakan Islam Masa Kini Dr. Musthafa as-Siba'i*. terj. Muhammad Baihaqi. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Mursi, Muhammad Said. 2010. *Tokoh-tokoh Besar Islam Sepanjang Zaman*. Terj. Azlina Roslan. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications.
- Rawls, John. 1971. *A Theory of Justice*. United Kingdom: Harvard University Press.
- Syed Hussein Alatas. 1996. *Keadilan Sosial Tuntutan Mutlak*. Dlm. Azizan Bahari & Chandra Muzaffar Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (pnyt). *Keadilan Sosial*, hlm 1. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Qutb, Sayyid. 1984. *Keadilan Sosial dalam Islam*. terj. Afif Mohammad. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Al-Zuhayli, Wahbah. *Haq al-Huriyyah fi al-'Alam*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Zul'Azmi Yaakob. 2005. *Konsep Keadilan dalam Pemikiran Akhlak Aristotle (M.322 SM) dan Ibn Miskawayh (M. 1030 M)*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia